

**Yang Di-pertuan Agong Berangkat Hadiri Majlis Santapan Amal P-BANK
Bernama
03 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah malam ini berkenan berangkat menghadiri majlis santapan dan konsert amal Persatuan Bencana Alam Negeri Kedah (P-BANK) 2012 di sini.

Majlis itu merupakan acara tahunan P-BANK bagi mengutip sumbangan untuk persediaan persatuan itu bagi menghadapi sebarang bentuk bencana alam dan menghulurkan bantuan kepada mangsa di Kedah.

Turut berangkat Tengku Bendahara Kedah Datuk Seri Tengku Anuar Sultan Badlishah selaku Yang Dipertua P-BANK.

Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali merupakan antara 500 tetamu yang hadir pada majlis itu yang turut diadakan sempena ulang tahun keputeraan ke-84 Sultan Kedah.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663688>